

## **LBS FABULOUS 20-21 KEMBALI DENGAN HADIAH CABUTAN BERTUAH YANG MENARIK UNTUK DIMENANGI**

---

**Petaling Jaya, 2 April 2022** – LBS Bina Group Berhad (LBS), syarikat pemaju hartanah terkemuka Malaysia telah mengadakan cabutan bertuah pusingan ke-2 bagi kempen LBS Fabulous 20-21 dengan hadiah bernilai sehingga RM731,000.

Pusingan Kedua cabutan bertuah 'LBS Fabulous 20-21' telah disiarkan secara langsung melalui Facebook LBS pada 28 Mac 2022 baru-baru ini. Cabutan bertuah ini terbuka kepada pembeli rumah yang membeli dari senarai hartanah terpilih LBS dengan harga melebihi RM250,000 mulai dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2021. Antara projek yang mengambil bahagian termasuk KITA @ Cybersouth, LBS Alam Perdana dan Prestige Residence yang baru dilancarkan. Pembeli rumah yang layak berpeluang memenangi rangkaian kereta Proton, seperti Proton X70 1.8L Executive 2WD, Proton Exora CVT Executive, 3-unit Proton Persona 1.6 CVT Standard dan 3-unit Proton Iriz CVT. Bagi penggemar aktiviti lasak, 6-unit basikal Decathlon Rockrider ST30 juga menanti para pemenang serta hadiah menarik lain yang ditawarkan termasuk 15-unit Dell Vostro Notebook, 20-unit Samsung Galaxy Tab dan pelbagai peralatan rumah. Bagi kedua-dua cabutan itu, LBS telah memberikan ganjaran hadiah bernilai lebih daripada RM1.16 juta secara keseluruhan kepada 1,200 orang pembeli rumah yang bertuah.

“Saya harap dengan cabutan bertuah ini, ia akan memberi pengalaman istimewa kepada pembeli rumah kami. Selain daripada hadiah menarik, LBS akan terus membawakan produk yang bernilai tinggi di samping menyediakan kualiti hidup sempurna kepada semua pembeli untuk tahun-tahun akan datang. Dengan pembukaan semula sempadan antarabangsa Malaysia, LBS mempunyai perancangan besar untuk negara dan rakyat.” ujar Tan Sri Lim Hock San, Pengerusi Eksekutif LBS.

Hadiah cabutan bertuah telah diundi oleh Tan Sri Lim Hock San, diiringi oleh Datuk Wira Joey Lim Hock Guan, selaku Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif LBS, Dato' Sri Daniel Lim Hock Sing dan Dato' Cynthia Lim Mooi Pang, Pengarah Eksekutif. Undian cabutan bertuah ini turut disertai oleh Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, Dato' Lim Han Boon dan Dato' Yong Lei Choo. Rakan penasihat undang-undang, Steven Tai, Wong & Partners telah dilantik sebagai saksi untuk mengawal selia proses cabutan di sepanjang acara bagi memastikan ianya diadili secara saksama.

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang bertuah telah berlangsung di galeri jualan KITA @ Cybersouth.

Layari [www.lbs.com.my](http://www.lbs.com.my) atau hubungi 1700 81 8998 untuk maklumat lanjut mengenai produk terkini serta kempen jualan LBS.

-Tamat-